



## **SIARAN AKHBAR**

**Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan  
mengadakan Kunjungan Kehormat kepada Tuan Yang Terutama Perdana  
Menteri Republik Rakyat Demokratik Laos  
29 September- 2 Oktober 2011**

---

**Vientiane, Republik Rakyat Demokratik Laos, Khamis 29 September 2011** – Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan kunjungan kehormat kepada Tuan Yang Terutama Thongsing Thammavong, Perdana Menteri Republik Rakyat Demokratik Laos. Majlis berlangsung di *Prime Minister's Office Compound*, Ban Nahai Diou, Muang Chanthaburi, Vientiane, Republik Rakyat Demokratik Laos.

Di majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Laos mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Pehin serta rombongan ke Vientiane bagi lawatan kerja ke Republik Rakyat Demokratik Laos. Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Laos seterusnya melahirkan harapan lawatan Yang Berhormat ini bukan hanya akan menyumbang ke arah peningkatan kerjasama khususnya dalam bidang kebudayaan, kebelaian dan kesukanan di peringkat dua-hala, malahan ianya juga akan mengeratkan lagi persefahaman dan kerjasama secara menyeluruh dalam rangka kerja dan konteks ASEAN.

Kedua pihak bersetuju perlunya budaya sesebuah negara itu dipelihara dan dipertahankan demi kepentingan identiti sesebuah bangsa dan negara. Kedua belah pihak bersetuju untuk meneruskan perbincangan di peringkat pegawai-pegawai kanan bagi mengukuhkan lagi kerjasama dalam bidang-bidang yang tertentu di masa yang terdekat dan mengalu-alukan rancangan pertukaran pegawai-pegawai kerajaan bagi mempergiatkan apa jua kerjasama yang telah dipersetujui dan dikenal pasti.

Turut serta dalam kunjungan kehormat tersebut ialah Tuan Yang Terutama Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Haji Tahir, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat Demokratik Laos; Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Hamid bin Haji Mohd Ja'afar, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai kanan dari kedua belah pihak.

Di sebelah pagi pada hari yang sama, Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan rombongan telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dua-hala dengan Tuan Yang Terutama Prof. Dr. Bosengkham Vongdara, Menteri Penerangan, Kebudayaan dan Pelancongan, Republik Rakyat Demokratik Laos. Di antara perkara-perkara utama yang persetujuan ialah mengenai pertukaran pegawai-pegawai kerajaan dari kedua buah negara khususnya dalam bidang kebudayaan untuk mempelajari dan bertukar pengalaman dalam bidang tersebut. Yang Berhormat Pehin dan Tuan Yang Terutama bersetuju untuk mengadakan pertukaran kebudayaan (*Cultural Exchange*) dan pameran serta mengadakan kerjasama dalam bidang permuziuman khususnya dalam aspek pemeliharaan tempat-tempat yang bersejarah.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengadakan perjumpaan dua-hala berasingan dengan Tuan Yang Terutama Dr. Phamkham Viphavanh, Menteri Pelajaran dan Sukan dan Tuan Yang Terutama Mr. Vilayvong Bouddakham, Pengerusi Kesatuan Belia Republik Demokratik Rakyat Laos. Di kedua-dua perjumpaan berasingan berkenaan, Yang Berhormat Pehin dan rakan sejawat membincangkan mengenai peningkatan kerjasama dalam bidang kesukanan dan kebeliaan.


Dalam bidang sukan, kedua buah negara bersetuju untuk merangka satu Pelan Tindakan untuk merealisasikan MOU dalam kerjasama dalam bidang sukan yang telah ditandatangani oleh kedua buah negara pada bulan November 2011. Sementara dalam bidang kebeliaan pula, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang Terutama Pengerusi Kesatuan Belia Laos bersetuju untuk mengadakan pertukaran rancangan yang melibatkan belia-belie dari negara masing-masing dan juga bagi merangka satu program pertukaran bagi ketua-ketua belia dari kedua buah negara. Kemungkinan bagi pengujudan satu memorandum persefahaman di bidang kebeliaan di antara kedua buah negara juga diterokai.

Semasa berada di Vientiane, Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah mengadakan lawatan ke Institut Budaya Seni dan Sekolah Kebangsaan Muzik dan Tarian serta ke tempat-tempat yang bersejarah di Vientiane.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berada di Vientiane, Republik Rakyat Demokratik Laos bagi mengadakan lawatan kerja selama empat (4) hari mulai 29 September hingga 2 Oktober 2011.

Lawatan kerja ini adalah merupakan susulan kepada penandatanganan Memorandum Persefahaman dalam bidang-bidang kebudayaan dan kesukanan yang telah dimeterai di Bandar Seri Begawan pada bulan November 2010.

Negara Brunei Darussalam menjalinkan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Demokratik Laos pada 27 Julai 1993.



Kunjungan Kehormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam kepada Tuan Yang Terutama Thongsing Thammavong, Perdana Menteri Republik Rakyat Demokratik Laos.

Disebelah kanan YB Pehin ialah Tuan Yang Terutama Pengiran Kasmirhan bin Pengiran Haji Tahir, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke negara Republik Demokratik Rakyat Laos.

Disebelah kanan TYT ialah Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Hamid bin Haji Mohd Ja'afar, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**29 September 2011**